



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
EXTERNAL STAKEHOLDER ENGAGEMENT
RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN EMPANGAN (RUU KE)**

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI, PUTRAJAYA

2 OKTOBER 2018

-
1. YB Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji, Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah merasmikan majlis ***External Stakeholder Engagement Rang Undang-Undang Keselamatan Empangan (RUU KE)*** di Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli hari ini. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Dr. Tan Yew Chong, Ketua Setiausaha, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), YBhg. Dato' Haji Suhaimi Bin Haji Mamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli) dan YBhg. Dato' Ir. Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia.
 2. **Tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk memaklumkan kepada wakil-wakil kerajaan Negeri dan operator-operator empangan berkaitan pelaksanaan penyediaan satu template Rang Undang-undang berkaitan pengurusan keselamatan empangan untuk digunapakai oleh Kerajaan Negeri.** Ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) ke 12 pada tahun 2017. Kajian penyediaan template Rang Undang-Undang ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia bertujuan untuk mewujudkan satu undang-undang yang seragam berkaitan integriti keselamatan empangan.

3. Beberapa kejadian kegagalan struktur empangan seperti di Laos dan Myanmar yang mengorbankan nyawa dan mengakibatkan kemusnahan harta benda baru-baru ini telah memberi isyarat betapa pentingnya tahap keselamatan empangan dipelihara. Oleh yang demikian, pemilik dan operator empangan di negara ini perlu sentiasa memastikan keselamatan empangan berada ditahap terbaik. Tindakan ini bagi mengelakkan daripada berlakunya bencana yang tidak diingini disebabkan oleh kegagalan struktur empangan.
4. Pada tahun 2017, kerajaan telah menerbitkan Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Empangan Malaysia (Malaysia Dam Safety Management Guidelines – MyDAMS) menerusi kajian yang telah dilaksanakan oleh JPS.
5. MSAN 2017 juga telah bersetuju agar MyDAMS digunapakai oleh pemilik-pemilik empangan di seluruh Negara. Sesebuah struktur empangan yang telah siap dibina memerlukan pengendalian (operation), penyenggaraan (maintenance) dan pengawasan (surveillance) yang sebaik mungkin secara berterusan oleh pemilik/operator empangan agar keselamatannya dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa dan kelestarian fungsinya dikekalkan.
6. Oleh yang demikian, pelaksanaan Rang Undang-Undang Keselamatan Empangan pada masa akan datang dapat memastikan tahap integriti keselamatan empangan-empangan di negara ini tidak terjejas.

**KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI
PUTRAJAYA
2 OKTOBER 2018**